

dalam perundingan penubuhan Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) yang dianggotai oleh Ikatan Persilatan Seluruh Indonesia (IPSI), Persatuan Silat Singapura (Persisi) dan Pesaka serta beberapa badan gabungan dari negara lain.

Allahyarham Haji Hanafi juga berusaha menubuhkan sebuah koperasi yang diberi nama Koperasi Gerak Jaya Berhad, demi kepentingan ekonomi ahli-ahli persatuan silat.

Di samping itu beliau juga menubuhkan sebuah kelab iaitu Kelab Sukan Seri Lading, bagi menggalakkan ahli-ahlinya bergiat dalam kegiatan sukan dan keibajikan.

Cita-cita Allahyarham untuk mendaulatkan silat Melayu amat besar. Beliau ingin melihat sebuah institusi khas silat Melayu yang lengkap diwujudkan suatu hari nanti. **5 SEP 1987**

Beliau mahu persatuan silat dipandang tinggi kerana kegiatan dan fungsinya kepada kemajuan bangsa,

agama dan negara.

Dalam pada itu, baru Allahyarham Haji Hanafi, Puan Maimunah Othman, adalah antara 40 ahli Silat Cekak yang akan menerima pingat dan sijil daripada Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, Datuk Haji Dasuki Haji Ahmad, sempena ulang-tahun ke-21 PSSCM, di Dewan Besar, Bangunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji, di Kuala Lumpur, esok. **B. Harlan (M)**

Beliau adalah wanita pertama di negara ini yang dianugerahkan pingat tertinggi seni Silat Cekak. **5 SEP 1987**

Selain majlis penyampaian pingat dan sijil, satu pertunjukan seni mempertahankan diri juga akan dipersembahkan oleh lebih 500 ahli PSSCM dari seluruh negara di Stadium Jalan Raja Muda (TPCA), di Kuala Lumpur, Ahad ini.

Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim, akan merasmikan pertunjukkan itu.

MSN setuju bayar pampasan pada pesilat negara

- 6 SEP 1987

B. Minggu (M)

Oleh MOHD AZMI RAFI

MAJLIS Sukan Negara bersetuju membayar pampasan kepada pesilat-pesilat yang kehilangan sumber pendapatan kerana menyertai pasukan negara ke Sukan SEA di Jakarta yang akan bermula minggu depan.

Mereka akan menerima bayaran sebelum berlepas ke sana. Bagaimanapun, MSN akan hanya membuat bayaran kepada lima ahli silat yang terbabit.

Mereka akan menerima bayaran tersebut selewat-lewatnya Isnin ini sebelum mereka berlepas ke Jakarta. Jaguh-jaguh silat adik beradik, Salbiah Salleh dan Khatijah Salleh, Ahmad Khusairi, Mohd Azam, Mohammad Fauzi dan Johari Ibrahim (jurulatih) menyuarakan masalah mereka apabila terpaksa mengikuti latihan pusat dengan cuti tanpa gaji.

Bagaimanapun PESAKA telah membuat permohonan kepada MSN bagi menyelesaikan masalah mereka ini.

Menurut Pegawai Kemajuan Sukan MSN, Rahim Harun, bayaran ini agak lewat kerana kesilapan pihak PESAKA sendiri yang menghantar borang permohonan di saat akhir.

"Sepatutnya PESAKA menghantar borang ini lebih awal lagi, supaya masalah pesilat-pesilat negara itu dapat diselesaikan dengan segera," ujarnya lagi.

"MSN sebelum ini telah memberi penjelasan kepada semua pegawai-pegawai yang terbabit berhubung dengan perkara ini dari masalah ini tidak seharusnya berlaku," tegasnya lagi.

Bagaimanapun beliau menyedari sebagai pasukan yang pertama kali menyertai pasukan negara ke Sukan SEA pegawai-pegawai yang terbabit mungkin tidak sedar adanya skim ganjaran ini.

AZAM AHMAD WARDI

Mahu tumpaskan Wedodo

- 6 SEP 1987

B. Minggu (M)

PESILAT negara, Ahmad Wardi Salim bukan saja mahu pingat emas Sukan SEA Jakarta yang bermula Rabu ini, malah berazam menumpaskan musuh tradisinya, Joko Wedodo bagi acara silat olahraga kelas B.

Menurutnya, walaupun sebagai peserta tuan rumah Joko mempunyai kelebihan, ia tidak bererti pencabar-pencabar termasuk dirinya tidak boleh menundukkannya di depan penyokong tempatan.

"Saya akan berusaha membawa pulang pingat emas atau perak seku-

rang-kurangnya yang sekaligus menambah semangat rakan-rakan lain untuk meraih lebih banyak pingat, terutama emas dan perak," katanya di Melaka pagi semalam.

Ahmad Wardi, 22, berkata Joko telah beberapa kali menewaskannya di beberapa kejohanan silat olahraga peringkat antarabangsa, termasuk di Jakarta tahun lalu, dan dia cuma mendapat gangsa.

Pesilat harapan negara itu memberitahu, walaupun Indonesia disebut-sebut sebagai bakal memenangi banyak pingat emas, peserta-ne-

serta negara akan memberi cabaran terhebat mereka.

"Bagi memastikan harapan besar itu tercapai, saya sejak awal tahun menjalani latihan pesat dan mendapat tunjuk ajar serta muslihat daripada jurulatih, Anuar Wahab," katanya.

Pesilat yang bekerja di Majlis Perbandaran Melaka Tengah itu berkata dia perlu membuktikan keunggulan di Jakarta sebelum menyertai beberapa kejohanan peringkat antarabangsa tahun ini.

Bagaimanapun, dia sentiasa berdoa supaya dijauhi kecederaan bagi memastikan dia dapat bertindak lebih pantas.



AHMAD WARDI